

PERTANDINGAN PERSEMBAHAN PROJEK AGRO TANI 2020

(PERAK SADC AGROPRENEUR PITCH 2020)

SYARAT – SYARAT DAN MAKLUMAT AM

- 1- Borang penyertaan boleh diperolehi melalui dalam talian (online) di www.pppnp.gov.my atau diperolehi di Pejabat PPPNP
- 2- Peserta **HANYA DIBENARKAN** *pitching* tajuk kertas cadangan (proposal) yang telah **DIDAFTARKAN** sahaja.
- 3- Tempoh *pitching* hanya diberikan selama 5 + 2 minit bagi kertas cadangan (*proposal*) kepada setiap peserta.
- 4- Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan tidak melebihi 5 orang.
- 5- Peserta perlu menghantar slide/persembahan power point (slide dalam format PowerPoint 97-2003 presentation) mengenai idea perniagaan masing-masing seperti contoh templat yang boleh didapati di www.pppnp.gov.my.
- 6- Saringan akan dibuat berdasarkan slide powerpoint dan persembahan lisan (*pitching*) dihadapan juri dan peserta yang layak keperingkat seterusnya akan dimaklumkan.
- 7- Tempoh *pitching* hanya diberikan selama 5 + 2 minit bagi kertas cadangan (*proposal*) kepada setiap peserta di hadapan Juri sesi saringan, separuh akhir dan akhir, peserta yang mendapat markah tertinggi daripada juri akan diishtiharkan sebagai pemenang.
- 8- **SADC TIDAK BERTANGUNGJAWAB** atas **KEGAGALAN** kehadiran atau mematuhi jadual sesi *pitching* tajuk proposal sebagaimana yang telah didaftarkan oleh pihak peserta. Pihak **SADC** berhak **MEMBATALKAN** sesi *pitching* sekiranya peserta **GAGAL** hadir pada masa yang telah didaftarkan.
- 9- Peserta **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang bentuk elemen bersifat cenderahati untuk diberikan kepada urus setia dan panel *pitching*.

- 10- Peserta **DILARANG MEMBERI KAD NAMA ATAU KAD PERNIAGAAN** kepada urus setia dan panel pitching semasa menghadiri sesi pitching.
- 11- Peserta **DILARANG MEMBAWA SEBARANG SURAT SOKONGAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK UNTUK DIEDARKAN KEPADA PANEL PITCHING** semasa menghadiri sesi pitching.
- 12- Peserta **TIDAK DIBENARKAN** meminta panel bertanyakan soalan atau meminta padangan panel pada kertas cadangan yang dibentangkan.
- 13- Peserta **TIDAK DIBENARKAN MERAKAMKAN SEBARANG BENTUK FOTO (GAMBAR) ATAU VIDEO** semasa sesi pitching berlangsung didalam bilik atau dewan pitching. Kegagalan mematuhi perkara ini membolehkan sesi pitching tersebut **DIBATALKAN**.
- 14- Idea dan model perniagaan yang dipertandingkan adalah hak milik setiap peserta dan pihak penganjur boleh mendapatkan hak cipta tersebut berdasarkan budi bicara pemegang hak yang asal.
- 15- Setiap idea atau model perniagaan yang dipertandingkan perlulah karya atau idea asal yang tidak ditiru dari mana-mana sumber dan jika peserta didapati melanggar syarat tersebut, secara automatik penyertaan mereka akan terbatal dengan sendiri dan hadiah kemenangan (jika ada) akan ditarik semula.
- 16- Keputusan juri adalah muktamad, sebarang bantahan tidak akan dilayan.
- 17- **TIADA YURAN PENDAFTARAN PENYERTAAN. JADUAL PENYERTAAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :**

Tarikh Saringan	:	Februari Hingga Oktober 2020
Tempat Saringan	:	Lokasi Agrofest di setiap daerah (Februari 2020 – Oktober 2020)
Sepuluh Akhir	:	30 pemenang di peringkat saringan
Pusingan Akhir	:	Disember 2020 20 Peserta ke Peringkat Akhir
Pengumuman Pemenang	:	Pemenang setiap pusingan diperingkat saringan akan diumumkan pada akhir waktu di setiap lokasi pertandingan Agrofest.

*Tertakluk kepada perubahan dan pindaan.

18- Pertandingan Pitching terbuka kepada 13 bidang berikut :-

- a. Produk Agro Pertanian/Ternakan/Perikanan/Herba
- b. Agro Automotif Industri
- c. Teknologi Agro Artificial Interlligence (Ai)
- d. Perkhidmatan Perisian Pertanian
- e. Pertanian & Teknologi
- f. Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja & Alam Sekitar
- g. Baja Dan Racun Dalam Pertanian
- h. Perniagaan Dan Kewangan Dalam Agro Tani
- i. Pemasaran Agro Digital Dan Media Sosial
- j. Pembangunan Sumber Manusia Dalam Pertanian
- k. Pembangunan Perniagaan Produk Asas Tani .
- l. Produk untuk Haiwan Peliharaan
- m. Pemasaran Produk Agro dan Produk Asas Tani

19- Pertandingan ini menyediakan hadiah bagi setiap Kategori seperti berikut :-

A) Hadiah di peringkat saringan :

- i. **Tempat Pertama** : RM1,000.00 dan Sijil Penyertaan
- ii. **Tempat Kedua** : RM500.00 dan Sijil Penyertaan
- iii. **Tempat Ketiga** : RM300.00 dan Sijil Penyertaan

B) Hadiah di peringkat separuh akhir :

- i. **Tempat Pertama** : RM1,000.00 dan Sijil Penyertaan
- ii. **Tempat Kedua** : RM500.00 dan Sijil Penyertaan
- iii. **Tempat Ketiga** : RM300.00 dan Sijil Penyertaan

C) Hadiah di peringkat akhir untuk 10 pemenang berdasarkan markah tertinggi.

- I. **Hadiah Pertama untuk 3 pemenang** : Sijil Penyertaan , Geran Projek Agropreneur/Asas Tani Bernilai RM 15,000 tunai + Latihan keusahawanan dan kewangan serta tawaran pinjaman tanpa faedah sebanyak RM50,000. (Bagi projek yang dijalankan atau diusahakan di Negeri Perak sahaja)
- II. **Hadiah Kedua untuk 3 pemenang** : Sijil penyertaan , Geran Projek Agropreneur /Asas Tani RM 10,000 tunai + Latihan keusahawanan dan kewangan serta tawaran pinjaman tanpa faedah sebanyak RM30,000. (Bagi projek yang dijalankan atau diusahakan di Negeri Perak sahaja)

- III. **Hadiah Ketiga untuk 4 pemenang** : Sijil penyertaan , Geran Projek Agropreneur /Asas Tani RM 5,000 tunai + Latihan keusahawanan dan kewangan dan tawaran pinjaman tanpa faedah sebanyak RM20,000. (Bagi projek yang dijalankan atau diusahakan di Negeri Perak sahaja)

- 20- Borang penyertaan yang telah lengkap disi hendaklah dikembalikan kepada Urus Setia sebelum/pada **jam 5.00 Petang** ke alamat berikut :-

**KUMPULAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PERTANIAN NEGERI PERAK
(BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN)**

NO.3, JALAN TAMAN KINTA,
TAMAN CHATEAU,
30250, IPOH, PERAK

- 21- Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi pihak urus setia seperti senarai berikut:-

No Telefon : 05-2537924, 05-2537928 dan 019-5000127

Alamat Emel : usahawan@ppnp.gov.my atau ppnpusahawan@gmail.com

- | | | |
|----|----------------|-----------------------------|
| a. | Nama Pegawai : | Mohd Fithri bin Md. Ariffin |
| | No. Sambungan: | 209 |
| b. | Nama Pegawai : | Mohd Farizal bin Nordin |
| | No. Sambungan: | 146 |
| c. | Nama Pegawai : | Mohd Firdaus bin Ismail |
| | No. Sambungan: | 146 |
| d. | Nama Pegawai : | Nurul Hanani binti Nazari. |
| | No. Sambungan: | 198 |